



## Bersedia ceburi bidang baharu

Graduan perlu bina pelbagai kemahiran lain selepas bergraduasi

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** 'Tahniah para graduan... Selamat Bergraduasi'. Ucapan yang sering kali kita dengar apatah lagi ketika ini memandangkan kebanyakan universiti menjalankan majlis konvokesyen masing-masing pada November ini.

Kegembiraan ibu bapa, ahli keluarga dan graduan jelas terpampang apabila mereka diraikan pada majlis besar-besaran bagi menghargai segala pengorbanan me-

reka selepas beberapa tahun mengharungi cabaran sebagai pelajar universiti.

Namun, di sebalik kegembiraan itu, adakah graduan sudah bersedia dalam menempuh alam pekerjaan sama ada mereka sudah mempunyai tempat dalam industri atau pun tidak.

Adakah mereka yakin akan tempat mereka tersedia di syarikat atau industri mengikut kelayakan masing-masing?

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, baru-baru ini menyatakan hampir 60 peratus siswazah peringkat pe-

ngajian Ijazah Pertama dan ke atas masih menganggur selepas setahun menamatkan pengajian mereka.

Fakta itu berdasarkan dapatan daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) 2018 Kementerian Pendidikan (KPM). Bilangan graduan belum bekerja selepas setahun tamat pengajian bagi peringkat pengajian Ijazah Pertama dan ke atas adalah 30,765 orang atau 59.9 peratus daripada 51,365 graduan yang belum bekerja.

**BH Varsiti** minggu ini berpeluang menemu bual beberapa graduan universiti tempatan mengenai situasi yang dihadapi mereka ketika ini.

Muka 3

## KERJA separuh masa tampung kos kehidupan

Dari muka 1

Graduan Sarjana Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Nurfaizah Abdul Rani, 31, berkata usahanya mencari pekerjaan yang sesuai dalam bidangnya masih tidak berjaya namun itu bukanlah alasan untuknya berputus asa sebaliknya mencari pekerjaan separuh masa.

"Saya pernah menganggur selepas tamat pengajian namun saya cuba untuk bekerja secara separuh masa di restoran makanan segera tetapi terpaksa berhenti kerana tiada orang menjaga anak-anak.

"Walaupun kini sudah hampir setahun menganggur, saya tidak pernah berhenti mengisi borang untuk mengisi kekosongan jawatan di mana-mana, selain menghantar permohonan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)," katanya yang kini menetap di Kelantan.

Bagi Ahmad Nabil Mohd Ashar, 24, persaingan antara graduan Akauntan Profesional Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) yang



Nurfaizah



Ahmad Nabil



Muhammad Danial

tinggi dan kebanyakan majikan atau firma meletakkan penguasaan bahasa tertentu sebagai syarat utama seolah-olah memamatkan peluang graduan ACCA untuk mendapatkan pekerjaan, namun itu bukanlah alasan untuknya berputus asa.

Malah, Ahmad Nabil percaya akan rezeki yang diterimanya akan lebih luas jika dia terus berusaha mencari pekerjaan yang lebih banyak ditawarkan di luar sana.

"Bukan tidak pernah mendapat peluang pekerjaan. Sebelum memulakan ACCA saya pernah diterima masuk bekerja di sebuah syarikat namun

kerana mendapat peluang menyambung pengajian ACCA, saya menerimanya dan terpaksa berhenti kerja di syarikat lama.

"Selepas tamat pengajian ACCA, saya mencari peluang pekerjaan lain, namun masih tidak mendapat tawaran. Walaupun baru sebulan menganggur, saya mengambil keputusan untuk mencari pekerjaan secara separuh masa bagi mendapatkan sedikit wang saku bagi menampung kehidupan," katanya yang bercadang untuk melakukan perkhidmatan GrabFood untuk seketika.

Graduan Universiti Putra

Malaysia (UPM) dan INTEC Education College itu juga menyifatkan penguasaan bahasa kedua penting terutama dapat berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik.

"Dalam era globalisasi kini, kebanyakan syarikat dan firma antarabangsa menggunakan Bahasa Inggeris ketika berurusan sama ada ketika bermesyuarat dan urusan rasmi seperti surat menyurat.

"Dalam profesion akauntan juga saya pasti turut menggunakan Bahasa Inggeris dan jika seseorang graduan gagal menyuasainya, agak sukar untuk mendapat tawaran kerja," kata-

nya yang pada masa sama berbalik kepada rezeki seseorang.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan dan Keusahawanan, Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Muhammad Danial Bakar, 26, berkata antara dilema yang perlu dihadapi graduan dalam bidangnya apabila tawaran kebanyakan syarikat adalah kerja kontrak menjadikan graduan terpaksa membuat keputusan sama ada menerima atau sebaliknya.

"Walaupun hanya kontrak, ia sebenarnya dapat memberi peluang kepada graduan memperoleh pengalaman bekerja dan seterusnya memohon sebagai kakitangan tetap di syarikat terbit atau syarikat lain berdasarkan kemahiran yang diperoleh.

"Walaupun saya masih tidak menerima sebarang tawaran pekerjaan selepas sebulan majlis konvokesyen, saya tidak mahu berdiam diri sebaliknya menjadikan bakat saya dalam bermain muzik sebagai kerja separuh masa, selain membuat perkhidmatan memandu kereta e-hailing pada waktu malam," katanya.